

**KAJIAN NILAI SEJARAH TERHADAP SENI BINA
RUMAH WARISAN PAHLAWAN
RESORT, KUALA BERANG TERENGGANU**

NOR HAZIRAH BINTI MUSTAFFA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2021/2022



**KAJIAN NILAI SEJARAH TERHADAP SENI BINA
RUMAH WARISAN PAHLAWAN RESORT, KUALA
BERANG TERENGGANU**

DISEDIAKAN OLEH:

NOR HAZIRAH BINTI MUSTAFFA

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan

Fakulti Teknolgi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021/2022

PENGHARGAAN

Assalamualaikum...

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan tugas yang telah diusahakan selama ini dengan jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah tercinta saya TS. Dr. Shahariah Norain binti Shahrudin dan TS. Dr. Mukhtaruddin bin Musa kerana berkat tunjuk ajar dan bimbingan dari beliau telah membantu saya dalam menyiapkan tugas dengan baik sekali.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada ibu bapa saya yang selalu memberi dorongan dan galakan sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Segala kemudahan yang disediakan dan sokongan moral kedua ibu bapa saya telah mendorong saya untuk menyiapkan tugas sehinggalah saya berjaya menyiapkannya.

Tidak dilupakan juga kepada semua rakan-rakan saya yang banyak membantu saya semasa saya mengalami kesukaran dalam menyiapkan tugas. Mereka membantu saya dengan selalu berbagi idea dalam menyiapkan tugas ini.

Akhir madah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tugas projek penyelidikan ini.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	I
ISI KANDUNGAN	II
SENARAI RAJAH	III
SENARAI JADUAL	VI
ABSTRAK	VII
ABSTRACT	VIII
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Struktur Laporan	12
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Lepas	14
2.3 Sejarah Rumah Warisan Pahlawan Resort	16
2.4 Struktur Bangunan Rumah Tradisional	18
2.5 Kerangka Teori	24
2.6 Kesimpulan	28
	24

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	29
3.2 Rekabentuk Kajian	29
3.2.1 Kaedah Kualitatif	30
3.3 Pengumpulan Data	31
3.4 Persampelan Kajian	35
3.5 Instrumen Kajian	36
3.6 Analisis Data	37
3.7 Kesimpulan	39

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	40
4.2 Demografi Responden	41
4.3 Nilai Sejarah Warisan Pahlawan Resort	42
4.2.1 Ukiran	44
4.2.2 Motif	49
4.3 Keunikan Dan Keistimewaan Seni Bina Rumah Warisan Pahlawan Resort	53
4.3.1 Seni Bina Rumah Mat Kilau	53
4.3.2 Seni Bina Rumah Tok Gajah	59
4.3.3 Seni Bina Rumah Tun Abdullah	65
4.4 Kesimpulan	68

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	69
5.2 Rumusan	69
5.3 Cadangan	70

RUJUKAN**LAMPIRAN**

SENARAI RAJAH

NO.		HALAMAN
1.1	Peta Kuala Berang	2
1.2	Rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort	3
1.3	Deretan rumah di Warisan Pahlawan Resort	4
1.4	Rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort	9
2.1	Tangga Rumah Melayu	19
2.2	Bumbung Rumah Melayu	20
2.3	Bahagian ruang Rumah Tradisional	21
2.4	Beranda di salah sebuah rumah di Warisan Pahlawan Resort	22
2.5	Bahagian atap singgora di Rumah Tradisional	23
3.1	Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu	32
4.1	Ukiran Tebuk Tembus Bersilat	46
4.2	Ukiran Tebuk Tembus Tanpa Silat	46
4.3	Ukiran Berkerawang Rumah Mat Kilau	47
4.4	Motif bunga Rumah Tok Pauh	50
4.5	Motif Kaligrafi Rumah Tun Abdullah	52
4.6	Rumah Mat Kilau	53
4.7	Ukiran berkerawang di Rumah Mat Kilau	55
4.8	Dinding rumah Mat Kilau	56

4.9	Sisir Angin di rumah Mat Kilau	57
4.10	Lantai rumah Mat Kilau	58
4.11	Rumah Tok Pauh	59
4.12	Tangga Rumah Tok Gajah	61
4.13	Bumbung Rumah Tok Gajah	62
4.14	Dinding Rumah Tok Gajah	64
4.15	Motif Kaligrafi Rumah Tok Gajah	64
4.16	Rumah Tun Abdullah	65
4.17	Bahagian Tangga Rumah Tun Abdullah	66
4.18	Sisir Angin Rumah Tun Abdullah	67
4.19	Ukiran dinding Rumah	67

SENARAI JADUAL

NO.		HALAMAN
3.1	Jadual analisis data yang dibuat bagi setiap objektif kajian	38
4.1	Jadual Senarai Informan Kajian	41



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini dijalankan untuk melakukan kajian nilai sejarah terhadap seni bina rumah warisan pahlawan resort yang terletak di Kampung Pauh, Kuala Berang, Terengganu. Setiap seni bina pada rumah warisan tersebut mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri. Terdapat tujuh buah rumah lama yang berada di resort tersebut dan setiap rumah mempunyai rekaan dan seni bina yang berbeza. Permasalahan kajian yang wujud dalam kajian yang dijalankan ialah rujukan yang terhad bagi rumah warisan, masyarakat yang tidak mempunyai kesedaran tentang kesenian seni bina yang ada di negara Malaysia dan masyarakat yang tidak mengetahui betapa pentingnya seni bina warisan. Objektif bagi kajian untuk projek penyelidikan ini ialah untuk mengenalpasti sejarah dan menganalisa keunikan seni bina rumah warisan yang terletak di warisan pahlawan resort. Kaedah temubual ke atas empat informan dan rujukan daripada buku, bahan ilmiah dan jurnal digunakan bagi menjawab objektif kajian tersebut. Hasil kajian ini mendapati terdapat 7 rumah melayu di warisan pahlawan tersebut dan setiap dari rumah yang ada mempunyai keunikannya yang tersendiri seperti bentuk rekaan rumah dan kaya dengan motif ukiran yang cantik dan kemas. Akhir sekali, diharapkan agar sedikit sebanyak projek penyelidikan yang dijalankan ini dapat dijadikan panduan dan bahan ilmiah yang berguna kepada mereka yang ingin mengetahui tentang seni bina rumah melayu di Malaysia.

Kata kunci: seni bina, sejarah, rumah warisan, resort

ABSTRACT

This research project is conducted to study the historical value of the architecture of the heritage house of the resort warriors located in Kampung Pauh, Kuala Berang, Terengganu. Each architecture in the heritage house has its own uniqueness and privilege. There are seven old houses in the resort and each house has a different design and architecture. The problem of the study that exists in the study is the limited reference for heritage houses, the community that does not have awareness of the art of architecture in Malaysia and the community that does not know the importance of heritage architecture. The objective of the study for this research project is to identify the history and analyze the uniqueness of the heritage house architecture located in the heritage of the resort warriors. The method of interviews with four informants and references from books, scientific materials and journals were used to answer the objectives of the study. The results of this study found that there are 7 Malay houses in the heritage of the warrior and each of the houses has its own uniqueness such as the design of the house and rich in beautiful and neat carved motifs. Finally, it is hoped that some of this research project can be used as a guide and useful scientific material for those who want to know about the architecture of Malay houses in Malaysia.

Keywords: architecture, history, heritage houses, resorts

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan secara jelas mengenai kajian nilai sejarah terhadap seni bina rumah warisan pahlawan resort di Kuala Berang, Terengganu yang akan dijalankan oleh pengkaji. Di dalam bab ini, terdapat beberapa bahagian iaitu bahagian pendahuluan, latar belakang, permasalahan kajian dan sebagainya bagi menerangkan secara mendalam mengenai tajuk kajian yang akan dilaksanakan semasa menjalankan kajian dan penyelidikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Rumah warisan merupakan rumah-rumah dari masyarakat Melayu terdahulu dimana masih ada lagi tinggalan khazanah ini pada masa kini. Kebiasaannya, kita dapat melihat rumah lama-lama ini di kampung dan ia mempunyai pelbagai jenis dan bentuk rumah pada setiap negeri. Pengkaji ingin memperkenalkan rumah warisan yang terletak di Warisan Pahlawan Resort yang terletak di Terengganu. Rumah- rumah yang ada mempunyai keunikan seni bina yang tersendiri kerana tersebut kehalusan daya cipta tukang mahir dan kedalaman akal budi dengan menggunakan bahan-bahan sekeliling untuk membangunkan rumah warisan tersebut.

Rajah 1.1 menunjukkan peta daerah Kuala Berang dimana terletaknya tempat penyelidikan yang diambil di Google Map pada 21 April 2021. Kuala Berang sebuah mukim dan ibu daerah Hulu Terengganu, Terengganu. Penemuan Batu Bersurat telah dijumpai di Kuala Berang pada tahun 1899 dan ini membuktikan bahawa Terengganu antara negeri terawal yang menerima kedatangan Islam.



Rajah 1.1: Peta Kuala Berang, Terengganu

Sumber: Portal Rasmi Majlis Daerah Hulu Terengganu, (2021)

Rajah 1.2 dan Rajah 1.3 menunjukkan rumah warisan yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang. Rumah yang terdapat di resort ini berunsurkan melayu tradisional ini berinspirasi daripada istana Terengganu pada era Sultan Mansor Shah ke-2. Rumah warisan ini merupakan rumah kayu yang sangat cantik dan megah yang terletak di Kampung Pauh, Kuala Berang Terengganu. Rumah- rumah warisan yang ada di resort ini terdiri daripada 7 buah rumah yang berinspirasi istana lama. Rumah warisan ini dipenuhi dengan pelbagai motif ukiran melayu Terengganu. Rumah warisan yang ada telah diberikan nama dan nama yang diletak pada setiap rumah diambil daripada nama tokoh agama dan pahlawan melayu seperti Tok Ku Paloh, Tok Gajah,

Mat Kilau, Tok Kenali dan ramai lagi. Tambahan lagi, nama rumah warisan bagi “Mat Kilau” diberi kerana rumah yang berusia lebih 150 tahun itu pernah menjadi tempat persinggahan pahlawan Mat Kilau sebelum rumah warisan itu dialihkan ke resort tersebut. Negeri Terengganu mempunyai sejarah yang sangat menarik dan meninggalkan banyak warisan yang dapat kita lihat pada masa kini. Antara keindahan dan warisan yang masih utuh ialah seni bina bangunan dan rumah-rumah pada masa dahulu. Mohd Yusuf Abdullah (2012) mengatakan seni bina bangunan tradisinal merupakan sebahagian khazanah seni bina Melayu Nusantara dan pancaran tamadun negeri Terengganu. Seni bina bangunan dan rumah-rumah yang dibina suatu masa dahulu dibina kerana kehalusan daya cipta tukang mahir dan kedalaman akal budi dengan menggunakan bahan-bahan sekeliling untuk membangunkan kediaman mereka. Oleh yang demikian, kajian ini amat penting untuk dilaksanakan kerana ia sangat berguna untuk melakukan penyelidikan di masa akan datang.



Rajah 1.2: Rumah warisan yang ada di resort, Kampung Pauh.
Sumber: Google Image, (2020)



Rajah 1.3: Deretan rumah warisan di warisan Pahlawan Resort Kampung Pauh

Sumber: Google Image, (2020)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian bagi kajian ini ialah:

- I. Tiada kajian terbaru serta rujukan tentang rumah warisan ini sangat terhad.

Rumah warisan yang dikenali sebagai Warisan Pahlawan Resort ini terletak di kawasan luar bandar iaitu di Hulu Terengganu dan ia membuatkan warisan pahlawan resort ini kurang dikenali. Orang ramai atau masyarakat yang tidak mengetahui kewujudan rumah warisan yang terletak di resort ini dan menyebabkan ia semakin tidak dikenali dan diiktiraf sebagai warisan. Berdasarkan berita harian yang bertajuk "Warisan Kampung Terakhir di Kuala Lumpur" (2015) menceritakan rumah-rumah lama di sekitar kampung baru yang makin sedikit bilangannya dan kampung baru merupakan satu satunya perkampungan Melayu yang ada di Kuala Lumpur selepas berlakunya pemodenan yang melenyapkan rumah- rumah kampung yang ada di kawasan tersebut.

- II. Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai kesenian senibina rumah warisan Melayu suatu masa dahulu.

Menurut sumber berita harian yang bertajuk “Punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina” (2017), menjelaskan identiti melayu sukar untuk diterapkan dalam seni bina Malaysia berikutan kurangnya generasi muda Melayu yang menceburi dalam bidang seni dan budaya bangsa. Generasi muda kebanyakan memilih untuk meceburi bidang yang lain seperti bidang teknologi. Masyarakat moden sekarang lebih tertumpu untuk membina sesebuah rumah mengikut citarasa moden seperti rumah kaca, rumah banglo mewah dan menyebabkan senibina rumah warisan Melayu suatu masa dahulu kian dilupakan. Memandangkan rekaan rumah sekarang juga lebih menekankan reka bentuk kontemporari, moden dan gaya mewah menyebabkan senibina dan konsep rumah warisan makin dilupakan. Oleh itu, pendedahan tentang keunikan dan keistimewaan seni bina rumah warisan dan tradisional perlu agar nilai sejarah terhadap seni bina tersebut masih relevan untuk masa kini dan di masa akan datang.

- III. Kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai kepentingan seni bina warisan rumah Melayu suatu masa dahulu.

Menurut sumber berita harian yang bertajuk “Bina bangunan seni bina Melayu” (2017) telah menemu bual penasihat sosio budaya Kerajaan Malaysia iaitu Tan Sri Rais Yatim dimana beliau mengeluarkan kenyataan pembinaan bangunan kerajaan pada masa depan perlu bercirikan seni bina dan reka bentuk warisan Melayu bagi memastikan ketamadunan bangsa kekal sepanjang zaman. Usaha yang cuba dilakukan beliau dapat menunjukkan betapa pentingnya seni bina warisan memandangkan masyarakat hanya mengetahui rumah dahulu diperbuat daripada kayu dan tiada apa yang istimewa. Namun, masyarakat tidak mengetahui bahawa seni bina rumah melayu mempunyai berbagai ragam hias dan motif ukuran yang dibuat oleh tukang rumah. Setiap rumah yang dibangunkan menggunakan bahan semulajadi dan mempunyai keunikan gaya yang tersendiri.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dibuat bertujuan untuk mencapai objektif kajian bagi penyelidikan tentang nilai sejarah terhadap seni bina rumah warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu.

- I. Apakah perkembangan sejarah kesenian rumah warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu.
- II. Apakah keunikan dan keistimewaan seni bina rumah warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian bagi penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- I. Mengenalpasti sejarah kesenian seni bina rumah warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu.
- II. Menganalisa keunikan dan keistimewaan seni bina rumah warisan pahlawan resort, Kuala Berang, Terengganu.

1.6 Skop Kajian

Kajian mengenai nilai sejarah terhadap seni bina rumah warisan pahlawan resort di Kuala Berang, Terengganu hanya memfokuskan di rumah warisan yang terletak di Warisan Pahlawan Resort yang terletak di Kampung Pauh Kuala Berang, Terengganu. Ia terletak kira-kira 8 km dari Pekan Kuala Berang dan 20 km dari tempat peranginan Tasik Kenyir. Rajah 1.4 menunjukkan pintu gerbang terletaknya rumah warisan Melayu tersebut iaitu di Warisan Pahlawan Resort di Kampung Pauh, Kuala Berang, Terengganu. Kajian ini juga akan memfokuskan kepada golongan tukang rumah yang mahir dalam hal membina rumah kayu bagi mengetahui nilai-nilai sejarah yang ada pada seni bina rumah warisan yang terletak di Kampung Pauh, Kuala Berang dan juga keistimewaan yang ada pada rumah warisan tersebut seperti adanya motif ukiran yang pelbagai bentuk.



Rajah 1.4: Rumah Warisan di Warisan Pahlawan Resort
Sumber: Blogspot Pesona Terengganu di Hatiku, (2020)

1.7 Kepentingan Kajian

Terdapat tiga kepentingan yang akan diperoleh dari kajian ini iaitu dari aspek individu, masyarakat, dan institusi.

1.7.1 Individu

Kepentingan kajian ini ialah pengkaji dapat mengetahui keunikan seni bina bagi rumah warisan yang dibina oleh tukang rumah suatu masa dahulu. Pengkaji akan mendapat pendedahan tentang warisan seni bina yang unik dan bernilai dengan menggunakan bahan binaan ringan seperti daun nipah, rotan dan kayu-kayan. Pengkaji juga dapat mempelajari tentang kesenian pertukangan rumah-rumah warisan tradisional ini memandangkan kesenian sesebuah rumah yang dibina sangat tinggi. Selain itu, pengkaji dapat memantapkan hasil penyelidikan yang sedang dikaji agar lebih memahami dan mendalami bidang-bidang ilmu berkaitan senibina warisan tradisional.

1.7.2 Masyarakat

Hasil daripada kajian ini, ia dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kesenian seni bina yang ada di setiap negeri di Malaysia. Seni bina yang ada dapat dijelaskan dengan baik dan memberi pendedahan kepada masyarakat. Selain itu, kajian ini dapat mendedahkan kepada masyarakat tentang keunikan dan kehalusan seni bina yang terdapat di rumah kayu warisan tradisional. Memandangkan faktor urbanisasi masyarakat kini, terdapat ramai masyarakat tidak mengenal apakah kesenian senibina rumah warisan melayu dan apakah ciri bentuk bagi rumah kayu tradisional. Di samping itu, cara-cara pemeliharaan yang dilakukan

dapat memberi panduan kepada masyarakat dalam mengendalikan rumah yang diperbuat daripada kayu agar rumah tersebut dalam keadaan baik.

1.7.3 Institusi

Kepentingan kepada institusi ialah dapat menerapkan nilai-nilai warisan dalam institusi supaya dapat mewujudkan masyarakat yang menghargai warisan yang ada. Seterusnya, untuk menitikberatkan cara pemeliharaan warisan terutama warisan rumah kayu melayu agar ia dapat dikekalkan dan menarik minat masyarakat tentang rumah warisan. Selain itu, dapat memperkenalkan keunikan dan kecantikan rumah melayu kepada negara luar agar mereka mengetahui tentang rumah melayu yang tinggi nilainya kerana seni bina yang cantik dan kemas.

1.8 STRUKTUR LAPORAN

Bab 1 dalam kajian ini ialah menghuraikan keseluruhan pengenalan kajian yang hendak dilakukan. Antara perkara yang terdapat di bab ini ialah permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan. Bab satu menjelaskan tentang objektif kajian utama yang dijalankan. Antara objektif untuk kajian ini ialah untuk mengenalpasti sejarah kesenian seni bina rumah warisan dan menghuraikan keunikan dan keistimewaan seni bina rumah Warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu. Bab I juga membincangkan permasalahan yang dihadapi bagi kajian ini serta menjelaskan kepentingan yang diperoleh apabila kajian ini dilakukan.

Bab 2 menghuraikan tentang sorotan kajian dimana definisi beberapa istilah berkaitan kajian telah dijelaskan. Kajian lepas sebagai yang dicari pada jurnal buku bagi menjadikan ia sebagai panduan untuk kajian juga ditulis pada bab ini. Kerangka teori yang digunakan dalam penyelidikan ini diguna pakai bagi menyokong kajian yang dilakukan.

Bab 3 pula menjelaskan metodologi kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan tajuk kajian. Kaedah yang digunakan bagi kajian ini ialah kajian kualitatif dimana ia merangkumi pengumpulan data primer dan sekunder. Data sekunder diperoleh melalui bahan bacaan seperti jurnal, buku, tesis, internet dan keratan akhbar manakala data primer diperoleh melalui hasil temu bual dan pemerhatian. Hasil semua data diperoleh akan dikumpul untuk dianalisis.

Bab 4 pula membincangkan tentang hasil dapatan kajian penyelidikan yang diperoleh ketika kajian dilakukan di rumah Warisan Pahlawan Resort. Dalam bab ini, perkara yang dihuraikan dan dianalisis ialah nilai sejara rumah di Warisan Pahlawan Resort dan Keunikan serta keistimewaan yang terdapat di Warisan

Pahlawan Resort. Semua maklumat diperoleh melalui kajian temu bual responden dan pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian iaitu di Warisan Pahlawan Resort

Bab 5 pula membincangkan tentang rumusan dan cadangan bagi kajian ini. Rumusan dibuat berdasarkan keseluruhan kajian dan cadangan yang diberikan adalah bagi menambah baik mengenai kajian.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan berkenaan sorotan kajian. Sorotan kajian adalah sumber maklumat dan juga ulasan lepas yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu. Platform yang digunakan oleh pengkaji dahulu bagi mendapatkan maklumat ialah melalui penulisan ilmiah dan juga bahan rujukan seperti buku, jurnal, laporan dan juga surat khabar. Ulasan kajian dari sumber ini penting terhadap pengkaji kerana ia dapat membantu untuk digunakan sebagai panduan dan bukti rujukan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Bab ini juga merupakan pernyataan yang menyokong sesuatu objektif dalam sesebuah kajian.

2.2 Kajian Lepas

Beberapa kajian lepas telah dirujuk oleh pengkaji untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai penyelidikan yang sedang dijalankan oleh pengkaji iaitu nilai sejarah terhadap seni bina rumah tradisional warisan pahlawan resort.

Kajian literatur yang dijalankan oleh Dr. Siti Norlizaiha Harun (2005) mengenai sejarah dan pengaruh ke atas senibina di Malaysia. Kajian ini memfokuskan tentang gaya senibina rumah melayu yang menekankan berbagai ragam hias dan bentuk binaan yang terpengaruh dengan binaan negeri-negeri melayu dan nusantara. Selain itu, mengkaji perkembangan senibina rumah melayu yang mendapat pengaruh darisena bina pengaruh kolonial seperti portugis, belanda, Inggeris bagi reka bentuk bangunan dan gaya senibina. Ia boleh dilihat beberapa bangunan yang

masih ada di negara Malaysia yang dipengaruhi oleh seni bina kolonial seperti gaya senibina Moorish bagi bangunan Sultan Abdul Samad dan gaya senibina Neo-klasik, Bangunan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kesimpulannya, gaya seni bina rumah, bangunan yang ada di Malaysia sedikit sebanyak terpengaruh dengan seni bina dari negara luar.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Azreena binti Abu Bakar (2013) mengenai motif-motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Kelantan dan Terengganu. Kajian ini membincangkan mengenai reka bentuk motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Terengganu dan Kelantan. Selain itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti asal usul motif yang digunakan dan untuk memperincikan perkembangan motif ukiran bagi Kelantan dan Terengganu memandangkan kedua-duanya mempunyai banyak persamaan. Menurut Keumala (2012) menjelaskan tentang seni ukiran kayu yang mempunyai motif yang lebih rumit dan kompleks. Gaya aliran pengaplikasian ukiran kayu Melayu dinilai berdasarkan 12 komponen yang telah ditetapkan.

Dalam buku Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2015) menjelaskan tentang pemuliharaan dimana pemuliharaan yang diterima dan dipraktis sejagat ialah "Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan". Keaslian boleh dianggap sebagai satu aspek estetika dan proses bagi mengembalikan ia adalah perkara etika. Aspek yang paling penting untuk pemuliharaan bangunan warisan adalah kepatuhan kepada kepentingan nilai-nilai warisan.

2.3 Sejarah Rumah Warisan Pahlawan Resort

Rumah warisan adalah rumah-rumah bagi masyarakat Melayu pada suatu masa dahulu. Rumah tersebut masih mengekalkan ciri reka bentuk masyarakat dahulu dan kebanyakannya rumah ini diperbuat daripada kayu serta mempunyai seni bina yang indah. Menurut Mohd Firdhaus Mohd Sahabuddin (2006), mengatakan bahawa rumah tradisinal melayu adalah senibina terawal di Gugusan Kepulauan Nusantara. Menurutnya juga rumah- rumah tradisional ini mempunyai kesenian dan keunikan yang tersendiri kerana ia mewakili setiap pecahan etnik yang ada pada Alam Melayu. Seni pertukangan bagi rumah melayu mempunyai tiga cabang seni iaitu kesenian kaedah pembinaan, kesenian susun atur ruang dan yang terakhir kesenian mengadaptasi komponen binaan terhadap iklim setempat.

Lokasi bagi kawasan kajian iaitu rumah warisan di warisan pahlawan resort bertempat di Kampung Pauh, Kuala Berang, Terengganu. Terdapat enam buah rumah warisan yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini. Terdapat salah sebuah rumah warisan yang ada di situ yang diberi nama Mat Kilau mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Rumah warisan tersebut telah berusia melebihi 150 tahun dan yang istimewanya, rumah tersebut merupakan rumah persinggahan Pahlawan Mat Kilau ketika rumah tersebut berada di Kampung Pasir Nering ketika zaman kepahlawanan Melayu sebelum ia dipindahkan di Kampung Pauh, Kuala Berang untuk dijadikan tempat penginapan rumah rehat.

Pemilik bagi Warisan Pahlawan Resort ini ialah Tun Ahmad bin Tun Abdullah yang berumur 61 tahun merupakan peminat seni bina melayu dan telah menjelajah ke serata tempat untuk membeli rumah lama yang berunsurkan seni bina melayu. Kos bagi membangunkan sebuah resort yang berunsurkan warisan ini telah mencecah RM 3.5 juta. Rumah warisan yang ada di Warisan Pahlawan Resort

menghimpunkan koleksi rumah-rumah masyarakat tradisional melayu Terengganu yang memiliki sejarah dan nilainya yang tersendiri dan ia berkait rapat dengan ulama islam serta tokoh-tokoh melayu seperti Dato Mat Kilau dan Tok Gajah. Koleksi rumah yang ada di warisan pahlawan resort ini diberi nama dan Namanya adalah Tok Gajah, Haji Abdul Rahman Limbong, Mat Kilau, Haji Tun Adullah, Tok Kenali, Tok Pauh dan Tok Pulau Manis. Resort ini mula beroperasi pada bulan Julai 2008 dan kebanyakan rumah warisan yang terdapat pada resort tersebut diperbuat daripada kayu cengal.

2.4 Struktur Bangunan Rumah Tradisional

Antara struktur bangunan rumah tradisional adalah:

I. Tangga

Tangga merupakan alat penghubung yang digunakan untuk naik ke rumah dan memudahkan urusan keluar masuk rumah. Kebiasaannya tangga rumah orang lamalama dibuat dengan menggunakan kayu. Bentuk tangga yang dibina bergantung kepada fungsi dan keperluannya. Kebanyakannya rumah melayu mempunyai tiga tangga iaitu tangga utama, tangga rumah ibu, dan tangga pelantar. Tangga pula merupakan bahagian untuk turun naik ke dalam dan keluar rumah. Perkataan tangga ini berasal dari dua perkataan iaitu tangan dan genggam. Ini kerana, jika dilihat tangga ini seumpamanya orang bersalamandengan dua belah tangan digenggam erat. Kedua-dua belah tangan yang digenggam erat itu adalah diilhamkan kepada sistem teknologi membuat tangga iaitu mengejapkan konstruksi anak tangga dengan paha tangga yang dirujuk kepada menyangkut anak tangga. Sistem tanggam pada anak tangga dengan paha disamakan dengan perbuatan orang yang bersalam dengan kedua-dua belah tangan yang digenggam (Muhammad Affandi Yahya, 1995).

MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 2.1: Tangga Rumah Melayu

Sumber: N. Hazirah, 2021

II. Bumbung

Bumbung bagi rumah tradisional Melayu merupakan bumbung tetap. Bentuk bagi bumbung rumah tradisional sentiasa condong kerana rekaann yang dibuat bersesuaian dengan iklim tropika yang panas. Kehalusan seni masyarakat Melayu turut diterapkan dalam konsep reka bentuk rumah kayu. Papan cantik berukir akan diletakkan di tepian bumbung bagi memperindahkannya. Bumbung rumah Melayu tradisional mempunyai bentuk yang memanjang dan layar yang bertebat. Bumbung ini menggunakan sebatang tulang perabung yang dilipat menjadi huruf "V" terbalik. Bentuk ini terus kekal sebagai satu identiti yang menjadi lambang etnik Melayu (Halim Nasir, 1985). Bentuk bumbung ini berfungsi untuk mempercepatkan pengaliran air hujan dan menghalang tempias.



Rajah 2.2: Bumbung rumah melayu

Sumber: N. Hazirah, 2021

III. Ruang

Struktur bagi ruang rumah tradisional ialah ruang ibu, serambi, anjung dan ruang dapur. Ruang ibu merupakan ruang utama di sesebuah rumah dan sebab ia dipanggil ruang ibu adalah untuk menghormati peranan ibu yang menjadi pengurus rumah. Ruang dapur pula digunakan oleh kaum perempuan untuk memasak dan merupakan tempat khas bagi perempuan. Serambi pula terletak di bahagian tepi rumah dan anjung pula di bahagian hadapan rumah melayu. Dalam struktur seni pembinaan rumah, bahagian rumah ibu adalah penting kerana di sini terbentuknya ruang-ruang seperti serambi, anjung, jemuran, tangga, dan sebagainya (Muhammad Affandi Yahya, 1995).



Rajah 2.3: Bahagian ruang rumah tradisional

Sumber: Harian Metro, 2021

IV. Beranda

Struktur beranda atau biasa dipanggil anjung rumah kampung kebiasaannya dijadikan tempat untuk kaum lelaki berehat dan berbincang. Wanita pula selalu akan bersosial di dalam rumah kerana masyarakat melayu suatu masa dahulu sangat mementingkan adat. Tambahan pula, bagi mengelakkan fitnah, tetamu lelaki hanya akan dipelawa naik ke anjung sahaja supaya ada pemisah dalam pergaulan lelaki dan Wanita. Bahagian anjung ini merupakan tempat kaum lelaki menjalankan kerja-kerja seperti menganyam bakul, membubul jarring, membetulkan perabut, rawai atau membuat jala dan sebagainya. Bahagian ini turut berfungsi sebagai tempat

menyambut tetamu lelaki untuk istirehat pada waktu malam serta sebagai tempat berbual dengan rakan-rakan sebaya. Menurut Muhammad Affandi Yahya (1995), anjung merupakan satu ruang yang luas terletak di luar bilik.



Rajah 2.4: Beranda di salah sebuah rumah di warisan Pahlawan Resort

Sumber: N. Hazirah, 2021

V. Atap

Kebiasaannya rumah melayu lama menggunakan atap daun yang diperbuat daripada sagu. Selain itu, atap singgora juga menjadi pilihan dalam pembinaan rumah melayu lama. Hal ini kerana, kedua-dua atap ini berfungsi untuk menyejukkan rumah melayu. Bentuk atap yang curam sebenarnya bermula dari satu kejadian manusia yang dikatakan berasal daripada Nabi Adam A.S yang seterusnya berkembang ke seluruh dunia dengan pelbagai jenis bangsa, warna kulit, bahasa dan agama.



Rajah 2.5: Bahagian atap singgora di rumah tradisional

Sumber: N. Hazirah, 2021

2.5 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah asas kepada sesuatu kajian dimana ia menyokong teori kajian dalam sebuah penyelidikan. Ia sebuah konsep yang abstrak dan hubungan antara konsep tersebut dapat membantu kita untuk lebih mengerti dan memahami sesebuah fenomena. Berikut merupakan pengertian dan juga definisi 'Kerangka Teori' oleh beberapa ahli yang arif mengenai hal ini

Menurut Jonathan H. Turner (2008), teori adalah satu proses bagi mengembangkan idea-idea yang ada bagi membantu kita untuk menjelaskan mengapa dan bagaimana sesuatu peristiwa itu terjadi. Hal ini menerangkan bahawa teori berperanan untuk menerangkan faktor hal sesuatu perkara itu terjadi. Definisi teori menurut Sugiyono, (2007) pula ialah:

“Teori mempunyai tiga fungsi dimana yang pertama untuk menjelaskan, yang kedua untuk meramal dan yang terakhir ialah pengendalian”

(Sugiyono, 2007)

2.5.1 Teori ukiran

Di dalam pembinaan pembangunan, seni ukiran bukan hanya sekadar hiasan semata mata tetapi ia juga mempunyai fungsi lain yang disepadukan pada bangunan Zakaria Hanafi, (2000). Menurutnya lagi, berabad-abad yang lalu seni ukiran kayu mempunyai sejarah dan perkembangan sehingga kini namun ia agak sukar untuk mengetahui permulaannya yang spesifik disebabkan tiada catatan yang jelas mengenai hal tersebut. Kebanyakan seni ukiran kayu berasal dari pantai timur iaitu Terengganu dan Kelantan.

Pandangan oleh Siti Zainon Ismail dalam bukunya "*Getaran Jalur dan Warna*" (1985) bahawa, masyarakat Melayu pakar dalam bidang kraftangan ini sejak zaman prasejarah lagi. Hal ini dapat dilihat pada kesan-kesan peninggalan arkeologi seperti penciptaan peralatan oleh orang dulu-dulu bagi kegunaan harian pinggan mangkuk, tempat mengisi air, kendi dan sebagainya yang sudah mempunyai hiasan dan ukiran-ukiran yang tertentu. Tembikar yang ditemui di Gua Cha, Kelantan dan Bukit Tengku Lembu, di Perlis merupakan contoh terawal keahlian bertukang yang menjadi bukti orang dulu- dulu sudah memulai bidang kraftangan untuk memenuhi keperluan hidup mereka pada ketika itu. Pandangan Mohd Taib Osman, (1989) agak sama dengan Siti Zainon Ismail mengenai seni ukiran kayu telah wujud pada zaman Neolitik lagi kerana manusia pada ketika itu menggunakan kayu sebagai keperluan dan kemudahan untuk dijadikan bahan binaan tempat kediaman, sampan sebagai pengangkutan air dan peralatan rumah seperti meja, kerusi, bangku, almari dan yang paling menarik kayu itu dijadikan bahan ukiran. Mereka mengukir pada kayu untuk menghasilkan seni bagi menggambarkan kemajuan ketamadunan sesuatu kaum atau etnik itu. Hal ini membuktikan kehidupan orang-orang zaman dahulu sudah mulai kreatif menghasilkan ukiran di atas kayu.

Dalam masyarakat melayu, pengukir kebanyakan membuat ukiran motif organik seperti flora dan fauna serta membuat tulisan khat yang dipengaruhi oleh Arab Mohd Taib Osman, (1989). Hal ini disebabkan kedatangan islam telah melarang pengukir untuk menggunakan Lembaga manusia sebagai motif dalam ukiran. Mohd Taib Osman, (1989) menjelaskan lagi bahawa golongan lelaki kebanyakannya yang terlibat dalam ukiran kayu kerana teknologinya yang rumit dan ia juga memerlukan penggunaan tenaga fizikal yang banyak.

Menurut Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah (2001), pengukir yang berpengalaman berupaya menghasilkan ukiran yang kompleks terutamanya pada hulu keris yang memerlukan kehalusan dan komponen-komponen yang terdapat pada rumah seperti tunjuk langit, tebar layar, kekisir, sisir angin, dinding dan daun pintu. Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah (2001) menjelaskan lagi:

“Pengukir perlu mempunyai kemahiran dalam ilmu pertukangan bagi melengkapkan ukiran pada binaan rumah. Beliau menjelaskan bahawa, minda pengukir dipengaruhi oleh suasana dan persekitaran tempat mengukir yang menjadi sumber inspirasi kepada pengukir untuk mendapatkan ketenangan sewaktu bekerja dan membantu mengeluarkan idea-idea kreatif. Kebanyakan ukiran motif flora dan fauna yang diukir pada rumah warisan, pengukir mendapat ilham daripada kawasan sekeliling dan mengukirnya di atas kayu”.

(Ismail Said dan Ahmad Saifullah Abdullah, 2001)

Menurut Zulkifli Hanafi, (2003) beliau menjelaskan bahawa para pengukir pada masa dahulu mendapat tempat yang istimewa di istana raja, hal ini kerana para pemerintah telah membuka peluang agar para pengukir menunjukkan bakat mereka. Raja mengiktiraf pengukir sebagai tokoh kerana menghasilkan ciptaan yang mempunyai nilai estetika yang mengagumkan. Antara bentuk binaan istana yang dihiasi ukiran terdapat di pantai timur iaitu Istana Balai Besar, dan Istana Tengku Nik yang terletak di Kelantan dan di Terengganu Siti Zainon Ismail, (1985).

Pengkaji telah menggunakan pendekatan teori ukiran dimana terdapat beberapa tokoh telah mengulas tentang teori ukiran seni bina. Berdasarkan teori-teori yang dijelaskan, pengkaji merumuskan seni ukiran ini sudahpun ada pada zaman prasejarah dan ia masih digunakan sehingga sekarang. Nilai bagi seni ukiran ini sangat tinggi kerana kehalusan sesuatu ukiran bukanlah perkara yang mudah, ia memerlukan seni dan kreativiti yang tinggi ke atas seorang pengukir tersebut.

2.6 Kesimpulan

Teori- teori yang diperoleh daripada beberapa orang penting yang melakukan kajian mengenai ukiran seni bina sangat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan ilmu berkaitan ukiran seni bina. Teori-teori yang diperoleh sangat menarik dan memudahkan pengkaji untuk memahami tentang motif dan ukiran yang terdapat pada rumah-rumah orang dahulu.

Keseluruhan kajian lepas ini banyak membincangkan tentang ukiran yang terdapat pada rumah warisan dan bahagian-bahagian yang terdapat pada rumah tersebut. Penggunaan teori ukiran telah digunakan bagi menjelaskan lagi tentang ukiran-ukiran kayu yang terdapat di rumah warisan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Menurut Hornby (1985), Metodologi ialah satu set kajian di mana ia digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian tersebut. Pada bahagian ini, topik yang dibincangkan ialah reka bentuk kajian, instrumen kajian, sampel kajian dan proses menganalisis data bagi menjawab segala persoalan. Dalam mencari maklumat mengenai Rumah Warisan di Warisan Pahlawan Resort, pengkaji menggunakan data sekunder untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang betul agar mencapai objektif kajian tersebut supaya ia boleh diguna pakai di masa hadapan.

3.2 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah rancangan tindakan yang menunjukkan secara lebih jelas bagaimana sesuatu kajian itu dilaksanakan atau dijalankan. Terdapat tiga kaedah rekabentuk kajian yang boleh digunakan dalam melakukan sesuatu penyelidikan namun hanya satu kaedah sahaja yang digunakan pengkaji kerana kaedah itu sahaja yang bersesuaian digunakan dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan ialah bagi kajian ini ialah:

3.2.1 Kaedah kualitatif

Kaedah kualitatif dilakukan untuk mendapatkan kefahaman dengan lebih mendalam tentang perkara yang dikaji. Bentuk data kualitatif ialah temubual, analisis kajian dan pemerhatian. Dari segi pengumpulan data dan penjanaan teori, kaedah ini akan menggunakan kaedah bersemuka dengan subjek kajian, kaedah interaksi dengan informan dan pendekatan induktif bagi menjana teori. Menurut Saryono, (2010) menjelaskan bahawa kaedah kualitatif merupakan kaedah yang digunakan untuk menyelidik, menjelaskan, menggambarkan dan menemukan sesuatu perkara yang dikaji dimana ia tidak dijelaskan dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

Menurut Bodgan dan Taylor (1975) menyatakan bahawa kaedah kualitatif merupakan metodologi kajian yang digunakan untuk menghasilkan data deskriptif. Data deskriptif ini merupakan data yang ditulis menggunakan kata-kata dan perkataan yang jelas. Selain itu, menurut Cresswell (1994) menjelaskan bahawa penyelidikan menggunakan kualitatif adalah suatu proses inkuiri bagi memahami kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu masalah yang timbul.

3.3 Pengumpulan Data

Bab ini akan menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul data untuk kajian yang sedang dijalankan. Terdapat pelbagai cara yang akan digunakan bagi mendapatkan segala maklumat tentang kajian yang dijalankan. Antaranya ialah:

3.3.1 Rujukan Internet

Rujukan internet merupakan rujukan yang pertama yang dilakukan pengkaji bagi mendapatkan segala maklumat mengenai rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu. Melalui internet, pengkaji memperoleh beberapa jurnal dan akhbar yang menceritakan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, dengan adanya rujukan internet, pelbagai maklumat dan gambar mengenai tajuk kajian akan diperoleh yang dapat membantu pengkaji dalam menyiapkan tugas kajian.

3.3.2 Rujukan Perpustakaan

Pada peringkat pertama, pengkaji akan mengumpul segala penulisan dan bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian iaitu nilai sejarah terhadap rumah warisan. Segala maklumat yang berkaitan akan dikumpul untuk dijadikan rujukan dan juga untuk mendapatkan maklumat berkaitan topik kajian. Dengan adanya buku-buku yang tersedia di perpustakaan, ia dapat membantu menambah maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Tambahan lagi, bukan hanya buku sahaja akan dicari oleh pengkaji di perpustakaan malah penulisan dalam bentuk

artikel dan surat khabar juga akan diguna pakai bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian rumah warisan. Pengkaji ke perpustakaan Kuala Berang, Hulu Terengganu bagi mengumpul bahan-bahan berkaitan tajuk kajian. Selain itu, perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan dikunjungi oleh pengkaji bagi mendapatkan segala maklumat dan mengumpul data yang berkaitan kajian.



Rajah 3.1: Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terenggan
Sumber: portal rasmi Majlis Daerah Hulu Terengganu, (2021)

3.3.3 Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan atau dikenali kajian survey bertujuan untuk bertanyakan pendapat dan pandangan orang ramai mengenai tajuk kajian yang sedang dijalankan. Kajian tinjauan ini antara kaedah kajian yang agak popular digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat. Menurut Marican, (2006) kajian tinjauan ialah kajian yang dilakukan ke atas responden bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian.

3.3.4 Kajian Lapangan

Pengkaji akan ke kawasan kajian iaitu di Warisan Pahlawan Resort bagi membuat tinjauan dan melihat sendiri keunikan dan keistimewaan yang terdapat di beberapa rumah warisan tersebut. Selain itu, pengkaji akan memperoleh maklumat dengan lebih terperinci dimana pengkaji dapat merekod dan mencatat segala maklumat yang terdapat di tempat kajian untuk ditulis di dalam tesis.

Pengkaji juga akan menjalankan pemerhatian dan temu ramah terhadap pemilik resort bagi mendapatkan jawapan dari segala persoalan yang disenaraikan oleh pengkaji. Kajian lapangan ini antara kaedah yang penting bagi pengkaji kerana dengan turun ke kawasan kajian, pengkaji dapat membuat pemerhatian, melakukan temu bual dan melihat sendiri keadaan rumah warisan yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort tersebut.

3.3.5 Temubual

Kaedah temubual akan melibatkan pengkaji dan juga informan bagi mendapatkan maklumat dan jawapan yang relevan. Pengkaji melakukan beberapa sesi temu bual bersama kumpulan berfokus tentang topik sumber yang dapat memberi maklumat mengenai topik kajian. Temubual ini dijalankan untuk mendapatkan beberapa maklumat secara lisan yang tiada di dalam buku dan

jawapan dari semua temubual akan direkodkan untuk digunakan sebagai rujukan. Melalui temubual, segala data yang diperolehi melalui pemerhatian dapat dikukuhkan kerana dengan temubual, pengkaji dapat mengesahkan data yang diperolehi.

Temubual terhadap beberapa tukang rumah yang mahir membina rumah warisan juga akan dijalankan bagi mengetahui serba sedikit maksud dari setiap ukiran, motif dan reka bentuk rumah yang terdapat pada rumah warisan yang dikaji. Memandangkan di Warisan Pahlawan Resort ini mempunyai bengkel kayu yang mengeluarkan barangan produk dari material kayu, ia memudahkan pengkaji untuk mencari informan yang dapat membantu memberikan maklumat. Dengan itu, ia dapat membantu pengkaji melengkapkan segala persoalan.

3.4 Persampelan Kajian

Persampelan merupakan merupakan proses pemilihan elemen dalam populasi kajian yang bertujuan mewakili populasi bagi suatu kajian. Sebelum menjalankan penyelidikan, pengkaji perlu mengetahui populasi yang dikehendaki dan siapakah golongan populasi yang terlibat dalam kajian. Ini bermaksud, persampelan merupakan suatu kumpulan (orang, tempat, institusi atau fenomena) yang ingin dikaji oleh pengkaji. Menurut Mohd. Najib Konting, (1998) sampel yang dipilih oleh pengkaji perlulah mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan Najib Konting, (1998)

Persampelan bukan kebarangkalian akan digunapakai oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah kualitatif. Persampelan ini akan melibatkan pemilihan sampel daripada satu kumpulan yang telah dikenalpasti untuk menjawab segala persoalan daripada pengkaji. Bagi persampelan ini, pengkaji akan menemu bual pemilik resort dan juga beberapa individu yang mahir dalam seni bina pertukangan rumah lama Melayu bagi mengetahui asal usul rumah warisan yang terdapat di Waisan Pahlawan Resort dan juga keistimewaan rumah-rumah yang terdapat di kawasan kajian

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu instrumen yang digunakan oleh pengkaji apabila menjalankan sesuatu kajian atau penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi mendapatkan data seperti yang dikehendaki oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian bagi penyelidikan tersebut. Instrumen bagi pengumpulan data digunakan untuk memudahkan kerjakerja penyelidikan. Dalam melakukan kajian nilai sejarah terhadap rumah warisan di sebuah resort yang terletak di Terengganu, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini mempunyai instrumen yang tersendiri bagi pengumpulan data.

Pengkaji merupakan instrumen utama bagi kaedah kualitatif di mana pengkaji perlu menemu bual dan melakukan pemerhatian di kawasan kajian. Pengkaji perlu menggunakan instrumen seperti panduan temu bual dan panduan pemerhatian bagi menjalankan instrumen kajian. Pengkaji juga memerlukan penggunaan rakaman video dan juga kamera digital bagi merakan keadaan dan peristiwa di tempat kajian bagi mengumpul data bagi kajian yang sedang dijalankan

3.6 Analisis Data

Analisis data merujuk kepada cara pengkaji mengolah data agar segala maklumat mengenai data tersebut difahami. Dalam erti kata lain, analisis data ini merupakan kegiatan bagi mengubah data yang diperoleh daripada penelitian untuk menjadikan ia sebagai maklumat yang akan digunakan dalam membuat kesimpulan. Analisis data dijalankan apabila kesemua data dari kedah kualitatif dikumpul.

Kaedah kualitatif di mana temu bual akan dijalankan pada responden yang berpengetahuan tentang rumah warisan atau rumah melayu lama. Temubual yang dijalankan terhadap mereka perlulah soalan berkisarkan tentang keunikan dan keistimewaan rumah warisan. Dengan menemubual, pengkaji akan menggunakan analisis kod dalam proses temu bual dijalankan dan akan ditranskripkan menjadi kod. Selain itu, pemilik resort yang terletaknya tujuh buah rumah warisan juga akan ditemu bual bagi mengetahui sejarah tentang rumah-rumah tersebut. Segala maklumat dan informasi yang diperoleh penting untuk mengumpul data tentang kajian penyelidikan yang sedang dijalankan. Kaedah pemerhatian pula, pengkaji perlu ke kawasan lapangan bagi mengumpul data-data yang berkaitan dengan kajian penyelidikan dan analisis yang dibuat juga menggunakan deskriptif. Kajian perpustakaan juga, pengkaji menggunakan analisis deskriptif bagi menjelaskan secara terperinci dan menjawab semua objektif kajian.

Jadual 3.1: Jadual analisis data yang dibuat bagi setiap objektif kajian

Bil	Objektif	Kaedah yang digunakan
1	<p>Mengenalpasti sejarah kesenian seni bina rumah warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu.</p>	<p>Kajian atas talian (Online)- Mengambil maklumat dari jurnal online, Laman rasmi media sosial Facebook Warisan Palawan Resort.</p> <p>Kajian perpustakaan -Mendapat informasi daripada buku dan majalah mengenai senibina rumah warisan.</p> <p>Pemerhatian- Meninjau di kawasan kajian bagi mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai kajian</p> <p>Temubual – Dijalankan ke atas pemilik resort dan tiga orang pekerja resort yang sudah lama bekerja di kawasan kajian itu.</p>
2	<p>Menganalisa keunikan dan keistimewaan seni bina rumah warisan pahlawan resort, Kuala Berang, Terengganu.</p>	<p>Kajian atas talian- Mendapatkan maklumat dari surat khabar atas talian (online) dan jurnal atas talian (online)</p> <p>Pemerhatian- Turun ke lapangan untuk melihat sendiri keunikan dan keistimewaan yang ada pada rumah warisan yang terletak di Warisan Pahlawan Resort.</p> <p>Temubual- Menjalankan temubual kepada pemilik resort dan beberapa pekerja yang mahir berkenaan kau dan ukiran memandangkan resort tersebut mempunyai bengkel kayu membuat ukiran dan membina sesuatu menggunakan kayu</p>

3.7 Kesimpulan

Secara tuntasnya, Bab 3 ini menjelaskan tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan kajian penyelidikan. Kedua-dua kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif ini mempunyai kelebihan yang tersendiri bagi membantu pengkaji memperoleh maklumat dan mengumpul data. Setiap penyelidikan yang dijalankan haruslah teliti agar segala maklumat yang diperoleh adalah betul dan sahih. Setiap data yang dikumpul sangat bermanfaat untuk pengkaji dalam menyiapkan tesis yang sedang dijalankan.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini membincangkan hasil dapatan kajian penyelidikan iaitu kajian nilai sejarah terhadap seni bina rumah warisan pahlawan resort, kuala berang Terengganu, bagi menjawab kedua objektif kajian, kaedah temubual telah digunakan bagi mengumpul data. Dapatan kajian ini merangkumi dua objektif utama bagi kajian ini iaitu pertama mengenalpasti sejarah kesenian seni bina rumah warisan pahlawan resort dan yang kedua menghuraikan keunikan dan keistimewaan seni bina rumah warisan pahlawan Resort. Dapatan kajian ialah segala maklumat yang diperolehi dan dikumpul hasil daripada kedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Setiap data yang diperolehi dari informan direkodkan.

4.2 Demografi Responden

Seramai 4 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Dalam kajian temu bual, pengkaji menemubual seramai 4 orang informan yang terdiri daripada pemilik resort dan pekerjaanya. Temu bual dijalankan di warisan Pahlawan Resort dan berikut merupakan senarai informan kajian:

Jadual 4.1: Senarai Informan Kajian

Bil	Informan	Peranan
1	Informan 1	Pekerja bahagian seni bina
2	Informan 2	Pekerja bahagian Admin
3	Informan 3	Pembantu Admin
4	Informan 4	Pemilik Warisan Pahlawan Resort

4.2 Nilai Sejarah Warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang.

Sejarah pembinaan resort yang berunsurkan rumah melayu ini diinspirasi oleh pemilik resort. Disebabkan minat beliau yang begitu mendalam mengenai seni bina rumah lama, maka tercetuslah resort yang berunsurkan warisan rumah melayu lama. Nama bagi pemilik warisan pahlawan resort ini ialah Tuan Ahmad bin Tuan Abdullah yang sudah pun mencecah umur 70an. Pada awalnya beliau seorang tukang masak yang sangat menggemari untuk mengumpul kayu-kayu balak suatu masa dahulu. Kebanyakan kayu yang diperolehi adalah daripada rumah-rumah orang terdahulu yang mempunyai nama seperti Tok Imam, Tok Penghulu, orang berada dan orang mempunyai status. Golongan begini yang banyak membina rumah suatu ketika dahulu dan rumah-rumah mereka inilah yang dikumpul oleh Tuan Ahmad untuk diletakkan di resort beliau. Penggunaan kayu yang berkualiti pada rumah melayu suatu ketika dahulu menyebabkan kayu tersebut masih utuh dan boleh digunakan.

Rumah-rumah yang terdapat di resort tersebut kebanyakan dibina oleh orang Indonesia yang mahir mengenai rumah-rumah lama terutama seni bina bagi rumah melayu Terengganu. Tukang kayu Indonesia ini sangat mahir mengenai ilmu pertukangan dan ia juga dibantu oleh beberapa orang tempatan yang juga berkemahiran dalam selok belok ilmu pertukangan. Informan 2 mengatakan:

“Kebanyakan tukang rumah memang ambil indon sebab indon power (hebat) dengan pertukangan, hebat dengan ukiran-ukiran ni. Orang indon ni jugak mengajar orang melayu tentang pertukangan, jadi ada jugak orang melayu yang mahir. Nama ketua tukang kayu tu Medan”

(I2- Pekerja Bahagian Admin)

Yang lebih menariknya lagi, salah sebuah rumah yang terdapat di warisan pahlawan resort merupakan rumah persinggahan Dato Mat Kilau yang merupakan salah satu pembesar suatu ketika dahulu. Rumah itu terletak di Pasir Nering Terengganu dan rumah itu telah dibawa ke warisan pahlawan resort dan dibangunkan semula di situ. Rumah Mat Kilau antara rumah pertama yang dibina di Warisan Pahlawan Resort tersebut. Menurut informan 1 dalam temu bualnya berkata:

“Tukang tukang rumah pecat rumah sebab rumah lama tak pakai paku, dia pasak je. Jadi, untuk pindahan, dia pecat and pasang balik. Dia pasang balik ikut mana design lama lah.”

(I2- Pekerja Bahagian Seni Bina)

Sebanyak 7 rumah yang ada di resort tersebut dan kesemuanya mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Rumah yang terdapat di warisan pahlawan resort mempunyai pelbagai bentuk. Hal ini kerana, ada rumah yang terinspirasi daripada seni bina rumah bujang berserambi, rumah bujang berkembar dan rumah tele. Rekaan rumah-rumah ini terinspirasi daripada rumah melayu lama yang kebanyakannya bentuk seni bina tersebut dapat dijumpai di daerah pantai timur iaitu di negeri Terengganu.

4.2.1 Ukiran

Ukiran kayu merupakan salah satu hasil seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Ia merupakan suatu seni yang dilakukan pada permukaan papan atau bongkah kayu badi mencorakkan sesuatu motif. Motif-motif yang selalu dibuat oleh pengukir ialah flora, fauna, kosmos, geometri dan khat. Seni ukir yang betapak lama pada seni warisan Melayu merupakan satu peradaban yang paling tinggi nilainya kerana ia belum dipengaruhi oleh sebarang unsur lain. Menurut Syed Ahmad Jamal (1992), ukiran yang diterapkan pada rumah-rumah melayu adalah untuk menambahkan nilai estetik dan juga corak yang terkawal. Hal ini kerana, ukiran berperanan bagi emnyokong rupa atau sendi bagi sesebuah rumah atau bangunan. Jenis ukiran melayu yang selalu dibuat oleh tukang mahir dulu-dulu ialah ialah ukiran timbul tanpa silat, ukiran timbul silat, ukiran tebuk tembus bersilat dan ukiran tebuk tembus. Menurut Norhaiza Nordin (2009) dalam bukunya yang bertajuk *“Ukiran Kayu Warisan Melayu”* menyatakan hiasan pada dinding rumah, kekisi tebar layar dan sebagainya biasanya menggunakan ukuran dua dimensi. Definisi bagi ukiran dua dimensi ialah ukiran yang dihasilkan dalam bentuk yang dapat dihayati dari satu sudut permukaannya sahaja.

Rumah-rumah tradisional Melayu kebiasaannya dihiasi dengan ukiran yang mempunyai motif dan corak yang cantik, berseni dan menakjubkan yang perlu dihargai dan dipelihara. Kebanyakan rumah-rumah yang dihiasi dengan ukiran begini adalah di sekitar negeri Kelantan dan Terengganu begitu juga dengan negeri-negeri lain seperti Perak, Negeri Sembilan dan Johor juga tidak dinafikan mempunyai seni warisan yang penting ini. Menurut Ismail dan Zumahiran (2009), ukiran kayu ini dianggap sebagai komponen penting bagi rumah-rumah di sekitar Kelantan dan Terengganu di mana ia merupakan hiasan bagi senibina di rantau ini. Ukiran kayu


Melayu adalah seni hiasan tradisional yang memaparkan tradisi tempatan dan adat yang perlu dijaga dan dipelihara terutamanya pada zaman peningkatan kadar kemodenan dan juga urbanisasi di Malaysia. Urbanisasi sememangnya telah memberikan impak di mana rumah-rumah lama telah diubahsuai menggunakan unsur-unsur dan komponen-komponen yang bukan lagi tradisional disebabkan oleh kemajuan dan mengejar arus pembangunan teknologi semasa. Mohamad Tajuddin, 2006; Zumahiran dan Ismail, (2008). Berdasarkan pemerhatian penyelidik, kesemua rumah di warisan Pahlawan Resort mempunyai ukiran pada kayu rumah-rumah yang ada. Antara ukiran ditemui di rumah-rumah tersebut ialah ukiran tebuk tembus bersilat, ukiran tebuk tembus tanpa silat dan kerawang.

I. Ukiran tebuk tembus

Ukiran kayu tebuk tembus ialah kayu akan dipahat dan ukirannya seperti disobek. Ukiran tebuk tembus ini terbahagi kepada dua iaitu ukiran tebuk tembus tanpa silat dan ukiran tebuk tembus bersilat. Perbezaan antara ukiran tebuk tembus tanpa silat dan bersilat ini ialah permukaan tebuk tembus tanpa silat mempunyai dasar permukaan yang kosong yang ditebuk menjadi lubang sedangkan motif dan coraknya dibiarkan rata tanpa silat. Bagi ukiran tebuk tembus bersilat pula mempunyai kesan silatan pada motif ukiran. Motif yang diukir akan kelihatan hidup. Kebiasaan dahulu, ukiran tebuk tembus ini terdapat di rumah bangsawan ataupun istana. Rajah 4.1 menunjukkan ukiran tebuk tembus bersilat yang terdapat pada rumah Tok Pauh. Kebanyakan ukiran ini dapat ditemui di kekisi, perabot dan cucur atap pada sesebuah rumah melayu. Rajah 4.2 pula menunjukkan ukiran tebuk tembus tanpa silat yang terdapat pada bahagian pintu besar Rumah Tok Pauh.



Rajah 4.1 Ukiran tebuk tembus bersilat
Sumber: N. Hazirah, 2021



Rajah 4.2: Ukiran tebuk tembus tanpa silat

Sumber: N. Hazirah, 2021

II. Ukiran kerawang

Ukiran bagi kerawang pula berbentuk bengkok bengkok dan mempunyai garisan yang bersimpang siur seumpama akar yang berlegar. Rajah 4.3 menunjukkan ukiran berkerawang yang terdapat pada rumah Mat Kilau. Ukiran ini banyak dijumpai pada bahagian beranda rumah dan bahagian atas dinding. Ukiran berkerawang merupakan ukiran yang agak mudah dibuat kerana proses memotong dan mengalihkan permukaan yang tidak diperlukan untuk membuat lubang. Ukiran kerawang banyak ditemukan di bahagian atas pintu rumah. Menurut Informan 1 dalam temu bual nya berkata:

“Biasanya ukiran tebuk tembus kalau napok (Nampak) tembus tu dia tebuk tembus lah. Dian ada yang bersilat, kerawang pun ada. Biasa kerawang dok bersilat dia paka(guna) mesin je. Kalau tebuk tembus bersilat ni dia ada pahat pulok, kira bersobekla orang panggil, ukiran yang bersobek.”

(I1-Pekerja Bahagian Seni Bina)



Rajah 4.3: Ukiran berkerawang Rumah Mat Kilau

Sumber: N. Hazirah, 2021

Ukiran motif pada rumah-rumah melayu di warisan pahlawan resort itu diukir berdasarkan panduan buku dan pengetahuan orang lama. Menurut informan 1, setiap rumah mempunyai banyak jenis ukiran motif dimana setiap motif yang dibuat akan berpandukan pada buku. Pengukir yang membuat ukiran di rumah warisan pahlawan resort membuat ukiran berdasarkan permintaan pemilik rumah. Pengukir tidak mereka sendiri jenis motif dan ukiran untuk rumahrumah di warisan pahlawan resort kerana pengenalpastian motif tempatan amat penting bagi mewujudkan identiti tersendiri kerana ia adalah penyampaian dari sudut kiasan masyarakat tempatan terhadap generasi seterusnya. Jadi, untuk mengekalkan ukiran motif yang terdahulu supaya ia masih wujud, pemilik mencadangkan untuk menggunakan ukiran yang selalu digunakan oleh orang dulu-dulu. Informan 3 menjelaskan bahawa:

“Kalau nak cerita pasal ukiran, ia terlalu banyak. Sebab motif dia bunga dia macam bunga pucuk ke banyak sangat kat sini. Memang kita refer (rujuk) pada buku dan orang lama-lama yang tahu pasal ukiran. Jadi kita memang berpandukan pada rumah lama dan orang lama-lama. Kita dokleh nok reka-reka diri benda gini”.

(I3-Pembantu Admin)

MALAYSIA
KELANTAN


4.2.2 Motif

Islam tidak menggunakan lambang atau arca dalam bentuk manusia bernyawa dan motif binatang kerana ia bercanggah dengan syariat Islam. Oleh itu pengukir di Malaysia kebanyakan membuat motif yang berunsurkan flora dan fauna, geometri, kaligrafi dan kosmos. Berbeza dengan pengukir di Malaysia, pengukir di Indonesia banyak menghasilkan ukiran berunsurkan Bali, burung merak dan bentuk dewa-dewi. Menurut Othman Yatim (2000) fahaman fundamental Islam telah mendorong penerapan seni ukiran kayu Melayu dalam bangunan, dengan melahirkan motif baru yang berasaskan unsur-unsur seperti bentuk geometri, bunga-bunga, dedaunan dan pucuk tumbuhan. Di rumah Melayu yang terdapat di warisan pahlawan resort mempunyai dua motif yang paling menonjol digunakan, antaranya ialah motif flora dan motif kaligrafi.

I. Motif Flora

Motif ukiran yang paling banyak didapati di rumah Melayu di warisan pahlawan resort ialah motif flora. Ini disebabkan motif flora adalah motif yang paling banyak didapati di sekeliling kita, mudah diukir, mudah dicipta, tidak melanggar agama Islam, cantik, dan mudah diaplikasikan untuk semua ruang. Antara motif bunga yang didapati di rumah Melayu di warisan pahlawan resort ialah bunga ketumbar, bunga pucuk, dan bunga emas. Setelah pengaruh Islam meresap segenap pelusuk rantau ini, orang Melayu telah bertukar arah kepada pemilihan motif flora, kerana Islam melarang penggunaan motif haiwan. Rajah 4.3 menunjukkan motif bunga yang diukir pada kayu rumah Tok Pauh dan menggunakan kaedah tebuk tembus. Para pengukir Melayu pada masa lampau, banyak mendapat ilham daripada tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di sekitar

kawasan rumah atau tempat mengukir, walaupun dari spesies yang tidak penting atau tidak terkenal langsung. Namun, dengan daya kreatif yang ada para pengukir mampu menghasilkan seni ukiran yang menarik, (Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2009)



Rajah 4.4: Motif bunga Rumah Tok Pauh

Sumber: N. Hazirah, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

II. Motif Kaligrafi

Perkataan kaligrafi pula berasal daripada perkataan Yunani, kalios, yang bererti indah dan graphia yang bermaksud tulisan atau coretan Abd Rahman, (2011). Motif ini muncul selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu kerana mempunyai perkaitan dengan kitab suci Al-Quran dan perkembangan Islam, motif ini banyak diterapkan dalam kesenian Melayu khususnya senu ukiran yang mengaplikasikan hadith dan huruf al quran. Penerapan motif khat pada ukiran berfungsi untuk mengakui kekuasaan Allah swt, megagungkan kebesaraNya dan memperkukuhkan tauhid dalam kalangan ummah selain memberi ketenangan dan kesegaran jiwa. Khat mengikut pengertian bahasa Arab bermaksud tulisan, lakaran atau baris. Khat juga bermaksud gambar perkataan dengan melukiskan huruf-huruf yang mengambil kira mula dan akhirnya. Ringkasnya khat itu ibarat roh di dalam tubuh seperti yang dikatakan oleh sebahagian ulama. Ternyata membaca dan menulis adalah perintah pertama dan wahyu permulaan Allah SWT yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW. Rajah 4.4 menunjukkan motif kaligrafi yang terdapat di rumah Tun Abdullah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.5: Motif Kaligrafi Rumah Tun Abdullah
Sumber: N. Hazirah, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Keunikan Dan Keistimewaan Seni Bina Rumah Warisan Pahlawan Resort

4.3.1 Seni Bina Rumah Mat Kilau

Bagi rumah yang dinamakan “mat kilau”, seni bina rumah tersebut ialah rumah bujang berserambi. Hal ini rekaannya seperti rumah bujang dimana ada ruang ibu dan ada penambahan serambi di rumah tersebut. Rumah yang dipanggil bujang berserambi ini mempunyai banyak tiang dan menggunakan tiang yang besar. Rekaan rumah bujang berserambi ini banyak dibangunkan di negeri Terengganu suatu ketika dahulu dan rajah 4.5 menunjukkan rumah bujang berserambi. Rumah “mat kilau” ini boleh dikatakan sepenuhnya menggunakan kayu cengal dan sedikit penggunaan kayu balau. Proses pemindahan rumah mat kilau dari pasir nering ke warisan pahlawan resort mengambil masa 2 minggu dan rumah mat kilau antara rumah terawal yang berada di Warisan Pahlawan Resort iaitu pada tahun 2008 di awal penubuhan resort tersebut.



Rajah 4.6: Rumah Mat Kilau

Sumber: N. Hazirah, 2021

Rumah bujang berserambi ini berbumbung panjang dengan papan pemeleh dan menggunakan atap singgora pada bahagian atapnya. Rumah bujang berserambi ini membina bumbung yang rendah pada pintu kerana ia menuntut posisi menunduk ketika memasuki rumah ibu sebagai tanda hormat kepada tuan rumah. Terdapat banyak jenis ukiran yang terdapat pada rumah mat kilau, antaranya ialah ukiran tebuk tembus dan berkerawang. Pada bahagian tangga rumah mat kilau, ukiran berkerawang yang paling banyak digunakan. Di bahagian dalam rumah juga ukiran berkerawang banyak dijumpai di rumah mat kilau. Boleh dikatakan rumah mat kilau antara banyak ukiran yang ada dibandingkan rumah-rumah yang lain. Bahagian hadapan rumah mat kilau, kita akan dapat melihat ukiran berkerawang yang digunakan pada serambi rumah tersebut. Motif pemasangan bagi pagar tersebut ialah untuk penghadang keselamatan. motif corak yang diterapkan pada rumah ini ialah corak awan larat.



Rajah 4.7: Ukiran berkerawang di rumah Mat Kilau

Sumber: N. Hazirah, 2021

Pada bahagian dinding rumah mat kilau pula, dindingnya dipanggil dinding kelerai dimana ia diperbuat daripada buluh. Anyaman pada seni dinding rumah tersebut disulam dengan bilah buluh dan ia disebut sebagai kelerai. Rajah 4.7 menunjukkan dinding rumah mat kilau yang dikenali sebagai dinding kelerai. Dinding ini menggambarkan masyarakat Nusantara dahulu hidup saling bekerjasama dan bersatu padu. Keunikan pada dinding rumah bujang berserambi ini ialah kebanyakan rumah melayu yang lain seperti rumah tok pauh, dia menggunakan dinding janda berhias manakala rumah ini pula berdindingkan kelerai yang diperbuat daripada bilah buluh. Proses membuat dinding rumah ini juga agak rumit dan unik dimana

anyaman daripada buluh diraut dan dipotong menjadi kepingan yang diselup dengan bahan pewarna sebelum dianyam mengikut motif yang dikehendaki.



Rajah 4.8: Dinding rumah Mat Kilau

Sumber: N. Hazirah, 2021

Sisir angin yang menghiasi dinding rumah bujang berserambi ini berfungsi sebagai pengudaraan dan pengcahayaan. Sisir angin yang terdapat pada rumah tersebut berukiran kerawang pada bahagian atas dinding jandaria. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat banyak sisir angin pada rumah bujang berserambi ini dimana ia sangat memberi faedah kepada penghuni yang tinggal di rumah tersebut. Rajah 4.9 menunjukkan sisir angin yang terdapat di Rumah Mat Kilau.



Rajah 4.9: Sisir angin di rumah mat kilau

Sumber: N. Hazirah, 202

Lantai bagi rumah bujang berserambi pula agak unik kerana sebahagian lantainya diperbuat daripada buluh dan disusun agak jarang kerana penyusunan sebegini untuk memudahkan proses membasuh lantai, menyapu habuk selain ia dapat menyejukkan rumah. Lantai bagi rumah bujang berserambi ini berbeza dengan rumah melayu yang lain seperti lantai bagi rumah Limas yang menggunakan papan atau kayu yang lebar bagi lantainya. Rajah 4.10 menunjukkan lantai rumah yang diperbuat daripada buluh dan disusun jarang.



Rajah 4.10 Lantai Rumah Mat Kilau
Sumber: N. Hazirah, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.2 Seni Bina Rumah Tok Gajah

Rumah melayu di warisan pahlawan resort yang diberi nama tok pauh ini merupakan jenis rumah limas. Rajah 4.11 menunjukkan Tok Pauh berbentuk rumah limas. Rumah sedemikian banyak didapati di negeri Johor, Selangor dan Terengganu. Maksud bagi limas adalah bentuk timba atau takir yang diperbuat daripada daun pisang atau upih yang berbentuk tirus ke atas seperti piramid. Bumbungnya terdiri daripada sebuah perabung lurus dan bersambung dengan empat buah perabung yang turun ke cucuran atap. Rumah limas ini berbentuk segi empat tepat dan ia sepenuhnya dibina oleh kayu cengal dan rumah ini sangat kaya dengan ukiran kayu yang bermotifkan bunga.



Rajah 4.11: Rumah Tok Pauh
Sumber: N. Hazirah, 2021

Menurut Abdul Halim Nasir dan Wan ashim Wan The (1997), rumah melayu yang berbentuk limas mula popular di Malaysia sejak pertengahan kurun ke-19. Yang uniknya bagi rumah limas ini ialah rumah ini mempunyai pengaruh kebudayaan luar khususnya daripada kepulauan melayu seperti Pattani, Bugis, Minangkabau, Riau, dan Jawa. Selain itu, kedatangan penjajah Barat khususnya Inggeris dan Belanda pula telah menyebabkan rumah Melayu Johor berubah bentuk daripada rumah bumbung Panjang kepada rumah limas iaitu perbezaan dari segi kedudukan bumbungnya. Rumah limas ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian depan, tengah dan bahagian belakang. Rumah limas ini dibina dengan sederhana tinggi dan mempunyai tangga yang berukir motif bunga. Tangga pada rumah limas ini antara keunikan pada rumah ini kerana rekaannya yang cantik ditambah pula dengan ukiran motif bunga menyerlahkan tangga rumah limas tersebut. Rajah 4.12 menunjukkan struktur tangga bagi rumah Tok Gajah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.12: Tangga rumah Tok Gajah
Sumber: N. Hazirah, 2021


Pada bahagian bumbung rumah Tok Gajah ini, ianya berbentuk “V” terbalik dimana ia menjadikan rumah tersebut tinggi dan ruang yang lapang pada bahagian dalam rumah. Pada bahagian atap pula, ia menggunakan atap singgora kerana atap singgora berfungsi untuk menyejukkan kawasan dalam rumah kerana atap singgora diperbuat daripada tanah liat. Rajah 4.13 menunjukkan bumbung tinggi yang berbentuk “V” pada rumah Tok Gajah.




Rajah 4.13: Bumbung rumah Tok Gajah

Sumber: N. Hazirah, 2021

Pada bahagian dinding pada rumah tok gajah ini, dinding yang digunakan ialah dinding janda berhias. Dinding ini sepenuhnya dibuat menggunakan kayu cengal. Dinding janda berhias ini juga mempunyai ukiran berkerawang dan bermotifkan bunga. Dinding janda berhias ini kebanyakannya digunakan pada golongan bangsawan pada masa dahulu. Dinding janda berhias ini berbentuk petak-petak dan panjang kebawah dan ukiran tebuk yang berfungsi untuk pengudaraan dan pencahayaan. Rajah 4.14 menunjukkan sisir angin yang diperbuat daripada kayu yang terdapat pada rumah Tok Gajah. Sisir angin bagi rumah tok gajah ini juga sedikit biasa berbanding rumah yang lain kerana ia menggunakan corak biasa iaitu garis melintang namun ia masih menyerlah kerana pemilihan warna untuk sisir angin tersebut sangat kontra dengan warna dinding. Sisir angin yang diguna pakai pada Rumah Tok Gajah ini dipanggil sisir angin jarring. Terdapat juga motif kaligrafi pada rumah tok gajah ini dimana ayat suci al-quran diukir pada bahagian atas pintu rumah tok gajah. Rajah 4.15 menunjukkan motif kalifrafi yang terdapat pada rumah Tok Gajah.



Rajah 4.14: Dinding Rumah Tok Gajah



Rajah 4.15: Motif Kaligrafi Rumah TokGajah

Sumber: N. Hazirah, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.3 Seni Bina Rumah Tun Abdullah

Rumah melayu lama yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort yang dikenali sebagai rumah Tun Abdullah merupakan rumah bujang berkembar. Rumah bujang berkembar atau juga dikenali sebagai rumah bujang berpeleh dibangunkan tanpa menggunakan paku dan ia menggunakan teknik tanggam dan pasak. Rumah ini terbahagi kepada tiga ruang iaitu ruang hadapan, ruang ibu dan ruang dapur. Bagi reka bentuk bumbung pula, ia berbentuk abjad “V” yang terbalik dan itulah dipanggil peleh. Kebiasaannya, peleh ini terdapat pada reka bentuk rumah Terengganu sahaja dan ia menjadi identiti rumah tradisional Terengganu. Struktur bagi tiang rumah Tun Abdullah ini tinggi, hal ini kerana tiang yang tinggi dapat mengelakkan daripada bencana alam iaitu banjir dan ancaman binatang. Dindingnya pula dipanggil dinding janda berhias.



Rajah 4.16: Rumah Tun Abdullah
Sumber: N. Hazirah, 2021

Tangga rumah Tun Abdullah sangat tinggi dan mempunyai 11 anak tangga dimana bahagian tangga juga mempunyai sedikit ukiran. Tangga ini dibina agak curam dan bilangan anak tangga memang dibuat ganjil kerana dia mempunyai maksud yang tersendiri dan mengikut sunnah dalam agami slam. Tukang rumah orang dulu-dulu mempercayai bilangan ganjil pada tangga antara sunnah kerana ia akan dimulai dengan kaki kanan dan diakhiri dengan kaki kiri. Faktor rumah ini membuat tangga yang tinggi kerana faktor keselamatan iaitu mengelakkan daripada berlakunya banjir dan ancaman binatang.



Rajah 4.17: Bahagian tangga rumah Tun Abdullah
Sumber: N. Hazirah, 2021

KELANTAN

Pada bahagian ukiran pula, kebanyakan ukiran yang digunakan ialah ukiran berkerawang dan bercorak awan larat. Rumah tun Abdullah ini banyak dipenuhi ukiran yang biasa dan tidak mempunyai ukiran tebuk tembus bersilat. Bahagian motif pula hanya motif bunga yang dijumpai pada rumah Tun Abdullah. Terdapat juga banyak sisir angin pada rumah ini dimana ia dapat dilihat pada bahagian dinding, bahagian atas pintu dan bahagian atas berdekatan bumbung rumah. Sisir angin ini juga berfungsi sebagai pengudaraan dan pengcahayaan pada rumah tersebut. Setiap ukiran ini juga diukir pada kayu cengal.



Rajah 4.18: Sisir Angin Rumah Tun Abdullah

Rajah 4.19: Ukiran Dinding rumah

Sumber: N. Hazirah, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Kesimpulan

Rumah-rumah yang terdapat di warisan pahlawan resort mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri dari segi seni binanya. Bentuk rumah yang berbeza-beza rekaan menunjukkan rekaan tukang rumah dahulu sangat kreatif dalam membina sebuah rumah. Setiap ceruk atau bahagian rumah sangat dititikberatkan fungsi dan kegunaan sebelum membinanya. Kreativiti mereka dalam membina sesebuah rumah menjadikan rumah melayu lama mempunyai nilai yang tinggi. Tambahan lagi, rumah-rumah yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini sangat kaya dengan ukiran pada kayu rumah. Ukiran yang ada pada rumah menjadikan sesebuah rumah tersebut lebih kelihatan cantik dan mewah. Seni ukiran bukanlah sesuatu yang mudah dan ia memerlukan pengukir yang handal untuk mengukir dan dengan adanya rumah yang kaya dengan ukiran dan motif yang terdapat di rumah-rumah warisan pahlawan resort membuatkan rumah tersebut sangat unik dan istimewa. Oleh itu, rumah melayu lama perlulah dipelihara dan dikekalkan kerana ia bukan sahaja indah untuk dipandang malah ia mempunyai nilai yang tinggi.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi rumusan kajian dan cadangan kajian mengenai nilai sejarah terhadap seni bina rumah Warisan Pahlawan Resort.

5.2 Rumusan

Hasil daripada kajian bagi objektif pertama dapat disimpulkan bahawa pengkaji dapat mengenalpasti sejarah kesenian seni bina rumah Warisan Pahlawan Resort. Segala maklumat tersebut diperolehi daripada beberapa Informan melalui kaedah temu bual dan juga pemerhatian yang dijalankan di kawasan kajian. Pengkaji dapat mengetahui asal usul rumah yang ada di warisan pahlawan resort dimana rumah-rumah tersebut dimiliki oleh orang yang dikategorikan berada kerana mereka mampu membuat rumah yang indah seperti berikut. Rumah-rumah tersebut dibawa ke Warisan Pahlawan Resort oleh pemilik resort kerana beliau sangat menyukai rumah melayu lama. Selain itu, setiap ukiran dan motif pada rumah tersebut sudah dikenalpasti dan ia mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Jenis-jenis ukiran juga mempunyai nilai yang tinggi dan memerlukan orang yang mahir dalam membuatnya. Setiap ukiran dan motif yang ada di rumah-rumah tersebut berpandukan orang dulu-dulu dan tidak asal buat dalam menentukan motif. Setiap rumah yang ada di warisan pahlawan resort kaya dengan ukiran di atas kayu kerana meniru gaya rumah melayu terdahulu yang mempunyai banyak ukiran dan ianya disokong oleh informan 1 yang menjelaskan tentang motif dan ukiran yang banyak pada sebuah rumah.

Selain itu, objektif kajian kedua iaitu menganalisa keunikan dan keistimewaan seni bina rumah warisan Pahlawan Resort. Objektif ini terjawab melalui kaedah temu bual yang dijalankan ke atas empat informan. Pengkaji spesifikkan kepada tiga buah rumah di warisan pahlawan resort dimana setiap rumah tersebut mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Ketiga-tiga rumah ini berbeza dari segi seni binanya iaitu adanya rumah bujang berserambi, rumah limas dan rumah bujang berkembar. Setiap rumah tersebut semuanya mempunyai ukiran dan motif. Rekaan-rekaan bagi ketiga rumah ini berbeza kerana ada yang berbentuk panjang, petak dan berkembar. Keistimewaan di setiap rumah yang ada bagi ketiga-tiga ini boleh dikatakan terletak pada ukiran, motif dan bentuk rumah masing-masing

5.3 Cadangan

Rumah-rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort sangat kaya dengan warisan dulu-dulu dimana ia mempunyai nilai yang tinggi dan keunikan yang tersendiri dari segi seni binanya, ukiran dan motif yang terdapat pada setiap rumah. Peningalan sebegini sangat penting untuk generasi muda akan datang untuk memahami seni bina rumah melayu dahulu. Ukiran kayu Melayu adalah seni hiasan tradisional yang memaparkan tradisi tempatan dan adat yang perlu dijaga dan dipelihara terutamanya pada zaman peningkatan kadar kemodenan dan juga urbanisasi di Malaysia. Oleh itu, pengkaji akan datang perlulah menjalankan kajian dengan lebih menyeluruh dan lebih terperinci mengenai setiap motif bunga ukiran dan nama di sebalik motif bunga tersebut. Dengan membuat kajian mengenai motif bunga dengan lebih spesifik untuk mengetahui bunga apa yang diaplikasikan pada

ukiran, segala maklumat yang diperoleh akan lebih tepat. Keunikan seni bina, seni ukiran dan motif yang ada di rumah-rumah tersebut perlu dikaji dengan mendalam agar generasi akan datang memahami dan mengetahui seni orang dulu-dulu dalam membuat pertukangan.



RUJUKAN

- Amirah binti Abas (2016) Aplikasi Seni Ukiran Melayu Dalam Seni Bina Surau Kayu Di Besut, Terengganu https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/302_302.pdf.
- Hafizah Iszahanid (2017) sumber berita harian, "Punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina" <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/308459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>
- Hanita binti Yusof (2018), Identiti Ukiran Kayu Bagi Rumah Limas Johor <https://core.ac.uk/download/pdf/237153253.pdf>
- Hanita Yusof, M.F.I Mohd-Nor (2018), Identiti Dan Tipologi Motif Ukiran Kayu Bagi Rumah Limas Johor file:///C:/Users/User/Downloads/553-1845-1-PB.pdf
- Inangda Manyam Keumala Daud (2012), Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia, Journal of Design and Built Environment. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jdbe/article/download/5323/3115/12127>
- Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim (2007) Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah Dan Penyelesaiannya http://journalarticle.ukm.my/1112/1/Nota_Penyelidikan-Identiti_Seni_Bina_Malaysia.pdf
- M.S. Surat, M.A. Baharum, I.M. S Usman, A.R Musa, N.M.Tawi (2012) Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47>
- Muhammad Bukhari Lubis (2014) Corak Seni Khat Ukir Nusantara: Kajian Perbandingan Karya Ukiran Kayu Terengganu (Malaysia) dan Jepara (Indonesia) <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2225>
- Maman Rachman (2012) Konservasi Nilai dan warisan Budaya, Indonesian Journal of Conservation <https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/ijc/article/view/2062>
- Mohd Azrone Sarabatin (2017) sumber berita harian, "Bina bangunan seni bina Melayu" <https://www.facebook.com/bhonline/posts/bina-bangunan-seni-bina-melayu/10154898792675600/>
- Noor Eszereen Juferii (2015) Sumber Berita Harian, "Pulihara Rumah Melayu Tradisional" https://muziumwarisanmelayu.upm.edu.my/akhbar/pulihara_rumah_melayu_tradisional-1145

Shamsu Mohamad, Siti Suhaily Surip (2016), Atap Singgora Pada Seni Bina Tradisional dan Kontemporari di Pantai Timur http://eprints.usm.my/39538/1/PAPER_76.pdf

Zarina binti Zakaria (2012), Motif Ukiran Kayu Latif Long <https://dokumen.tips/documents/motif-ukiran-kayu-latif-long-zarina-binti-zakaria-ukiran-kayu-latif-long-24pgspdf.html>

Zulhilmi Hat dab Bennie Zie Fauzi (2015) Sumber Berita Harian, “Warisan Kampung Terakhir Di Kuala Lumpur” <https://www.bharian.com.my/bhplus/old/2015/03/38601/warisan-kampung-terakhir-di-kuala-lumpur>

Yusniza Mohamed Yusof, Harleny Abd. Arif, Norakmal Abdullah (2020), Abd. Muhaimin Bin Hasbollah: Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari <https://docplayer.info/206492878-Artikel-abd-muhaimin-bin-hasbollah-manifestasi-seni-ukiran-kayu-kontemporari.html>